



## Pemikiran Imran N. Hosein tentang Yakjuj dan Makjuj di dalam *An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World* menurut perspektif Hadis

*[Imran N. Hosein's thoughts about Gog and Magog in "An Islamic View of Gog and Magog in the Modern World" according to the Hadith perspective]*

**Ikram Khalil\* & Faisal Ahmad Shah**

Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.

\* Corresponding Author: Ikram Khalil. Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: [abumuadz75@gmail.com](mailto:abumuadz75@gmail.com), Tel.: +6019-991 0028.

---

### **Keywords:**

*Misunderstood Hadith, Hadiths of Fitan, Gog and Magog, Imran N. Hosein, An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World*

---

### **ABSTRACT**

*Recently, there have been many discussions about fitan hadiths. Debates about the slander of the Devils (Dajjāl), Gog and Magog as well as other signs of the end of the world are not uncommon today. However, in the passion to talk about the fitan hadiths, there are a number of writers who are so meticulous that they ignore the method of understanding the hadiths that have been outlined by scholars. Neglect of this method leads to misunderstandings and errors in understanding the hadith. This article discusses Imran N. Hosein's thoughts on the emergence of the Gog and Magog. In the work *An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World* Imran N. Hosein argues that Gog and Magog have been out for thousands of years. Based on that fact, it is an important to explore about his thoughts which is described as violating the current thinking of the scholars of hadith. The main objective of this study is to explain Imran N. Hosein's thoughts on the emergence of Gog and Magog. Apart from that, the study also aims to identify the factors that cause errors in understanding the hadith related to Gog and Magog and Magog. In producing this study, the author uses the method of documentation which refers completely to the books of hadith lectures, theses, dissertations, journals, websites and related reference books. The findings of the study conclude that Imran N. Hosein is of the view that the release of Yakjuj and Makjuj began during the life of Rasulullah SAW more than 1400 years ago. The study also found that the occurrence of confusion and misunderstanding about the emergence of Gog and Magog stems from the neglect of the method of understanding the hadith that has been outlined by scholars. This study implies that Imran N. Hosein's thinking about the emergence of Gog and Magog is not in line with the views of the majority of hadith scholars. In addition, the implications of this study have concluded that the need to adhere to the methods that have been outlined by scholars to avoid mistakes in understanding the hadith related to Gog and Magog.*

---

### **Kata Kunci:**

*Salah Faham Hadis, Hadis Fitan, Yakjuj dan Makjuj, Imran N. Hosein, An Islamic*

---

### **ABSTRAK**

*Mutakhir ini terdapat banyak perbincangan yang diutarakan tentang hadis-hadis fitan. Perbincangan tentang fitnah Dajjal, Yakjuj dan Makjuj serta tanda-tanda kiamat yang lain bukanlah sesuatu yang*

*View Of Gog And Magog In  
The Modern World*

asing pada masa kini. Namun dalam keghairahan membicarakan tentang hadis-hadis *fitan* terdapat sebilangan penulis yang kurang teliti sehingga mengabaikan metode memahami hadis yang telah digariskan oleh ulama. Pengabaian kepada metode ini menimbulkan salah faham dan kesilapan dalam memahami hadis. Artikel ini membincangkan mengenai pemikiran Imran N. Hosein tentang kemunculan Yakjuj dan Makjuj. Di dalam karya *An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World* Imran N. Hosein berpendapat Yakjuj dan Makjuj telah keluar sejak ribuan tahun dahulu. Berdasarkan hakikat tersebut, adalah satu perkara yang penting untuk diteroka tentang pemikiran beliau yang disifatkan sebagai menongkah arus pemikiran para sarjana hadis muktabar. Objektif utama kajian ini adalah untuk menjelaskan pemikiran Imran N. Hosein tentang kemunculan Yakjuj dan Makjuj. Selain itu kajian juga bertujuan mengenal pasti faktor berlakunya kesilapan dalam memahami hadis berkaitan Yakjuj dan Makjuj. Dalam menghasilkan kajian ini penulis menggunakan metode dokumentasi yang merujuk sepenuhnya kepada kitab-kitab syarah hadis, tesis, disertasi, jurnal, laman sesawang dan buku-buku rujukan yang berkaitan. Dapatan kajian merumuskan Imran N. Hosein berpandangan pelepasan Yakjuj dan Makjuj bermula pada ketika hayat Rasulullah SAW lebih daripada 1400 tahun yang lalu. Kajian juga mendapati berlakunya kekeliruan dan salah faham tentang kemunculan Yakjuj dan Makjuj berpunca daripada pengabaian metode memahami hadis yang telah digariskan ulama. Kajian ini memberi implikasi bahawa pemikiran Imran N. Hosein tentang keluarnya Yakjuj dan Makjuj tidak selaras dengan pandangan majoriti ulama hadis. Selain itu implikasi kajian ini telah merumuskan bahawa keperluan mematuhi metode yang telah digariskan oleh ulama bagi mengelakkan kesilapan dalam memahami hadis berkaitan Yakjuj dan Makjuj.

Received: July 28, 2020

Accepted: November 20, 2020

Online Published: December 16, 2020

## 1. Pengenalan

Imran N. Hosein merupakan sebagai tokoh sarjana Muslim yang pakar dalam tafsiran kontemporari berkaitan eskatologi Islam (Schleifer, 2018). Sebagai seorang penulis prolific melalui buku-buku tentang fitnah akhir zaman, karya-karya beliau sering mendapat perhatian daripada masyarakat dunia sehingga diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa asing dan dipasarkan di peringkat antarabangsa (<https://www.amazon.co.uk>; <https://www.amazon.com>). Pada masa yang sama, beliau berjaya menempatkan dirinya di media sosial dan media massa dalam pelbagai isu (Sheikh Imran Hosein, 2009). Penulisan dan syarahan beliau memperlihatkan beliau sebagai seorang tokoh yang berfikiran kritis serta berani mempertahankan pendapatnya walaupun tidak secocok dengan pandangan para sarjana (Desai, 2013; Sheikh Imran Hosein, 2009).

Antara buah fikiran beliau yang menongkah arus pemikiran ulama hadis ialah berkenaan Yakjuj dan Makjuj. Di dalam buku *An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World* Imran N. Hosein berpandangan Yakjuj dan Makjuj telah keluar dari sebalik tembok yang dibina oleh Dhū al-Qarnayn semenjak lebih 1400 tahun yang lalu. Pandangan ini berasaskan hadis riwayat Zaynab binti Jahsh tentang kewujudan ruang kecil pada tembok Yakjuj dan Makjuj (Hosein, 2012).

Persoalannya adakah benar hadis riwayat Zaynab binti Jahsh menjelaskan Yakjuj dan Makjuj telah keluar dari sebalik tembok bermula ketika hayat Rasulullah SAW? Sekiranya benar adakah memadai dengan hadis ini dan hadis yang semakna dengannya sahaja lalu disimpulkan Yakjuj dan Makjuj telah bebas dan berada di dalam kalangan umat manusia pada masa sekarang? Oleh yang demikian, penelitian terhadap pemahaman hadis ini perlu dilakukan bagi mengkaji sejauh mana kebenaran dakwaan Imran N. Hosein.



## 2. Profil Imran N. Hosein

### 2.1 Latar Belakang Kehidupan

Imran Nazar Hosein dilahirkan di Trinidad, West Indies pada tahun 1942. Salasilah keturunan beliau adalah daripada golongan penghijrah yang berasal dari India (Hosein, 2001; "Imran N. Hosein," 2020). Pendidikan di usia remaja bermula di *Queen's Royal College* (Alleyne, 2009). Berbekalkan azam yang kuat untuk menjadi seorang sarjana Islam beliau berangkat ke Universiti al-Azhar, Mesir pada November 1963 untuk menyambung pengajian di sana. Walaubagaimanapun pengajiannya di Mesir terlalu singkat kerana tidak serasi dengan sistem pengajian al-Azhar yang beliau anggap tidak berkeupayaan menyelesaikan cabaran-cabaran yang ditimbulkan oleh sains moden, revolusi teknologi, isu-isu feminis dan sebagainya. Oleh kerana itu beliau meninggalkan Mesir dan menuju ke Pakistan untuk berguru dengan Muhammad Fazl-Ur-Rahman Ansari di Institut Pengajian Islam Aleemiyah (*Aleemiyah Institute of Islamic Studies*), Karachi. Beliau pulang ke Trinidad setelah menamatkan pengajian dengan memperoleh *al-Ijāzah al-`Āliyah* pada tahun 1971 (Hosein, 2019). Selain al-Azhar dan Institut Pengajian Islam Aleemiyah beliau juga pernah menuntut sebagai calon pasca siswazah dalam bidang falsafah di Universiti Karachi, bidang hubungan antarabangsa di University of West Indies, Trinidad dan juga di Institut Pengajian Siswazah Antarabangsa, Geneva (Hosein, 2001).

Mengenai perjalanan kerjaya Imran N. Hosein, beliau mula bekerja sebagai pegawai diplomatik Kementerian Luar Negara di Trinidad dan Tobago. Pada tahun 1985 meletakkan jawatan dengan tujuan menumpukan sepenuh perhatian kepada usaha menyampaikan dakwah Islam (Schleifer, 2018 & Hosein, 1999). Walau bagaimanapun setelah perletakkan jawatan sebagai pegawai diplomatik, beliau memegang beberapa jawatan lain antaranya sebagai Pengetua Institut Aleemiyah di Karachi, Pakistan, Pengarah Institut Pendidikan Islam dan Penyelidikan di Miami, Florida, Pengarah Pengajian Islam di Joint Committee of Muslim Organizations of Greater New York, Pengarah Kajian Kongres Muslim Sedunia di Karachi, Pakistan dan Pengarah Bahagian Dakwah di Tanzeem-e-Islami, Amerika Utara (Hosein, 1997; Hosein, 2001).

### 2.2 Karya Penulisan

Imran N. Hosein merupakan seorang penulis yang prolifik. Beliau banyak menghasilkan karya-karya bercorak agama dalam pelbagai bidang. Penulisan beliau lebih menumpukan kepada eskatologi, sains politik dan kewangan Islam. Selain itu terdapat karya-karya sampingan seperti perbandingan agama, *'Ulūm al-Qur'ān*, ibadah dan akidah. Kebanyakan karya-karya Imran N. Hosein diletakkan di bawah satu siri penerbitan yang dinamakan sebagai Siri Memperingati Ansārī (*Anṣārī Memorial Series*) bagi menghargai jasa gurunya. Berikut merupakan antara hasil karya beliau:

- i. The Prohibition Of Ribā In The Qur'ān And Sunnah.
- ii. The Importance Of The Prohibition Of Ribā In Islam.
- iii. One Jamaat One Ameer: The Organization Of A Muslim Community In The Age Of Fitan.
- iv. The Religion Of Abraham And The State Of Israel: A View From The Qur'ān.
- v. The Strategic Importance Of Isrā And Mirāj
- vi. Dreams In Islam
- vii. The Caliphate The Hejaz And The Saudi-Wahhabi Nation State
- viii. Fasting And Power
- ix. The Quranic Method Of Curing Alcoholism And Drug Addiction
- x. George Bernard Shaw And The Islamic Scholar
- xi. A Muslim Response To The 9/11 Attack On America
- xii. Jerusalem In The Qur'ān
- xiii. Sūrah Al-Kahf Text Translation And Commentary
- xiv. Sūrah Al-Kahf And The Modern Age
- xv. Signs Of The Last Day In The Modern World
- xvi. The Gold Dīnār And Silver Dirham: Islam And The Future Of Money
- xvii. The Islamic Travelogue
- xviii. An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World
- xix. The Strategic Importance Of Dreams And Visions In Islam
- xx. Explaining Israel's Mysterious Imperial Agenda
- xxi. Iqbal And Pakistan's Moment Of Truth



- xxii. Madīna Returns To Center-State In Ākhir Al-Zamān
- xxiii. In Search Of Khidr's Footprints In Ākhir Al-Zamān
- xxiv. Methodology For Study Of The Qur'ān
- xxv. Dajjāl, The Qur'ān And Awwal Al-Zamān (The Beginning Of History)
- xxvi. The Qur'an The Great War And The West
- xxvii. The Qur'an, Dajjal and the Jasad

Selain dari buku-buku yang disenaraikan di atas beliau juga banyak menulis artikel berkaitan Islam khususnya berkaitan tanda-tanda kiamat, politik dan kewangan Islam. Beliau juga aktif menyampaikan siri kuliah melalui saluran *YouTube*. Koleksi buku, artikel dan syarahan beliau boleh didapati dan dimuat turun melalui laman sesawang <http://imranhosein.org/>.

### 3. Buku *An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World*

#### 3.1 Latar Belakang Karya

Buku *An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World* bertemakan futuristik atau masa depan membicarakan mengenai Yakjuj dan Makjuj menerusi tafsiran beberapa ayat daripada surah al-Kahfī, hadis-hadis Nabi SAW, pengamatan kepada sejarah lalu dan peristiwa-peristiwa semasa yang berlaku abad ini. Analisis dalil-dalil al-Quran, hadis dan fakta-fakta sejarah menunjukkan pelepasan Yakjuj dan Makjuj bermulanya ketika hayat Rasulullah SAW lebih 1400 tahun lampau. Objektif penulisan buku ini adalah untuk membuktikan kepada para ulama bahawa Yakjuj dan Makjuj telah keluar dari sebalik tembok. Hosein (2012: XIX) menyatakan:

*Despite my best efforts, however, I failed miserably, again and again, to convince my learned peers, the scholars of Islam, that Gog and Magog were even released into the world. I earnestly hope and pray that this book might make a difference Insha' Allah .*

Maksudnya:

*“Meskipun dengan usaha saya yang bersungguh-sungguh, saya gagal lagi dan lagi untuk meyakinkan rakan terpelajar saya, para sarjana Islam bahawa Yakjuj dan Makjuj telah terlepas ke dunia. Saya amat berharap dan berdoa buku ini akan dapat membuat perubahan Inshā` Allāh.”*

Pernyataan beliau jelas menunjukkan tujuan penulisan buku *An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World* adalah untuk membuktikan bahawa Yakjuj dan Makjuj telah pun keluar dari sebalik tembok. Beliau mengharapkan kayanya ini dapat mengubah pemikiran dan pandangan para ulama yang berpendapat Yakjuj dan Makjuj masih belum bebas dari kurungan.

*An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World* merupakan buku ketiga daripada kumpulan empat buah buku yang membahaskan tentang surah al-Kahfī. Buku-buku lain dalam tema yang sama berjudul *Surah al-Kahf: Text Translation and Modern Commentary*, *Surah al-Kahf and the Modern Age*, *Dajjāl the False Messiah or Antichrist*. Buku-buku ini termasuk di dalam himpunan buku Siri Memperingati Anṣārī (*Anṣārī Memorial Series*) yang diterbitkan untuk mengenang jasa guru beliau iaitu Mawlānā al-Anṣārī (Imran N. Hosein, 2012).

Buku ini mendapat sambutan menggalakkan di mana jutaan naskhah telah dipasarkan di pasaran antarabangsa (<https://www.amazon.co.uk>; <https://www.amazon.com>). Sumber daripada beberapa laman sesawang menunjukkan buku ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa seperti Bahasa Melayu, Arab, Perancis, Pashto, Urdu dan Jerman. (<http://imranhosein.org>, <https://bookcafe.com.my>, [www.thalia.de](http://www.thalia.de)). Penerimaan masyarakat terhadap buku ini sedikit sebanyak memperlihatkan pengaruhnya dalam kalangan masyarakat dan umat Islam. Analisis mendapati wujudnya pengaruh pemikiran Imran N. Hosein secara langsung di dalam beberapa jenis penulisan merangkumi artikel dan disertasi (Bariqi, 2019; Hudijono, 2019; Ibnu Shukrimun, 2020; Jam'ūn & 'Ayfah, 2018).



### 3.2 Saiz, Cetakan dan Versi

Buku *An Islamic View Of Gog And Magog In The Modern World* berukuran standard 14.8 x 21 sentimeter berkulit nipis dan mempunyai 226 halaman. Cetakan sulung diterbitkan oleh Masjid Jāmi`ah, City Of San Fernando, Trinidad And Tobago pada tahun 2009 manakala edisi kemaskini pula diterbitkan tiga tahun selepas edisi pertama dikeluarkan. Buku ini boleh didapati di dalam dua versi iaitu salinan bercetak (*hardcopy*) dan juga salinan digital (*softcopy*) di dalam bentuk *e-book* berformat PDF. Versi *e-book* tersedia untuk dimuat turun secara percuma melalui laman sesawang rasmi Imran N. Hosein, iaitu <http://imranhosein.org/n/e-books/>.

### 4. Pemikiran Imran N. Hosein tentang Yakjuj dan Makjuj

Imran N. Hosein berpandangan Yakjuj dan Makjuj telah lama menerobos tembok yang dibina oleh Dhu al-Qarnayn sejak zaman Nabi SAW. Di dalam Bab Enam di bawah tajuk *Hadith Reveal Gogs And Magog's Release*, Hosein (2012: 176) menyebutkan:

*“There are several Ahādīth recorded in Ṣahīh Bukhārī which clearly indicate that the release of Gog and Magog commenced in the lifetime of the blessed Prophet more than 1400 years ago.”*

Maksudnya:

*“Terdapat beberapa hadis di dalam Ṣahīh al-Bukhārī di mana dengan jelas menunjukkan pelepasan Yakjuj dan Makjuj bermula ketika hayat Nabi SAW lebih dari 1400 tahun yang lalu.”*

Sebagai alasan pandangan, beliau mengemukakan hadis riwayat seorang *ṣahabiyyah* dan juga merupakan salah seorang isteri Rasulullah SAW iaitu Zaynab binti Jahsh. Secara ringkas, hadis ini mengisahkan Rasulullah SAW bermimpi tentang kewujudan lubang kecil pada tembok Yakjuj dan Makjuj. Berdasarkan kepada hadis tersebut, Imran N. Hosein menyatakan tembok tersebut telah musnah dan Yakjuj dan Makjuj telah melepasi tembok pada hari yang sama Rasulullah SAW menerima perkhabaran tersebut. Pendapat ini dapat diperhatikan di dalam beberapa kenyataan lain oleh Hosein (2012: 176):

*“It was also clear that this true vision communicated the news that the release of Gog and Magog commenced on the day of that Prophetic vision.”*

Maksudnya:

*“Ia juga jelas di mana gambaran yang benar memberitakan tentang pelepasan Yakjuj dan Makjuj bermula pada hari Nabi SAW mendapat gambaran tersebut.”*

Dalam satu pernyataan tentang kemusnahan tembok Yakjuj dan Makjuj Hosein (2012: 177) menyebutkan:

*“When the Prophet awoke from sleep he immediately recognized that he had a true vision of the divine destruction of the barrier...”*

Maksudnya:

*“Apabila Rasulullah SAW bangkit dari tidur baginda serta merta mengenal pasti yang baginda telah mendapat telah mendapat gambaran yang benar tentang kemusnahan tembok Yakjuj dan Makjuj...”*

Pernyataan-pernyataan Imran N. Hosein di atas menunjukkan keyakinan beliau tentang Yakjuj dan Makjuj telah keluar dari sebalik tembok sejak zaman Nabi SAW lagi. Hadis yang diriwayatkan oleh Zaynab binti Jahsh dijadikan dalil dan sandaran pandangan.

Pemikiran Imran N. Hosein tidak sunyi dari polemik dan kritikan. Pandangan Imran N. Hosein tentang Yakjuj dan Makjuj telah pun keluar adalah tidak benar dan tidak selaras dengan pendapat majoriti ulama. Tafsiran beliau berdasarkan akal fikiran dan tidak dibuktikan dengan penjelasan para *mutaqaddimīn* dalam kalangan *muhaddithīn* atau *mufasssirīn* (Ali & Desai, 2014). Selain itu terdapat juga kritikan-kritikan dalam permasalahan sama yang ditujukan secara tidak langsung kepada Imran N. Hosein. Al-Tuwaijiri (1993)

menyebutkan pandangan yang menyatakan Yakjuj dan Makjuj telah pun keluar dan mereka adalah negara-negara moden pada masa kini merupakan pendapat yang batil. Tiada tembok yang menghalang negara-negara ini untuk berhubung dan bercampur gaul dengan bangsa-bangsa lain. Sementelahan pula dalil-dalil hadis menunjukkan Yakjuj dan Makjuj akan keluar setelah turunnya Nabi Isa AS ketika hampir berlakunya kiamat. Oleh kerana itu kajian ini akan menganalisis pemikiran Imran N. Hosein tentang keluarnya Yakjuj dan Makjuj berasaskan hadis Zaynab binti Jahsh menurut perspektif *fiqh al-hadith*. Kajian sebegini diharapkan dapat memberikan kefahaman hadis yang tepat serta penjelasan yang tuntas mengenai salah satu aspek tentang Yakjuj dan Makjuj.

## 5. Hadis Zaynab binti Jahsh

Bagi mendapatkan penjelasan sebenar dan kefahaman yang tepat tentang hadis Zaynab binti Jahsh, pengkaji mengemukakan teks asal hadis dalam bahasa Arab berserta terjemahannya ke dalam bahasa Melayu. Seterusnya dijelaskan pula beberapa istilah hadis (*mufradāt al-hadith*) dan diakhiri dengan analisis pandangan ulama tentang hadis ini.

عَنْ زَيْنَبِ بِنْتِ جَحْشٍ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، دَخَلَ عَلَيْهَا فَرَعَا يَقُولُ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَيَلُّ لِلْعَرَبِ مِنْ شَرِّ قَدِ اقْتَرَبَ، فَفُتِحَ الْيَوْمَ مِنْ رَدْمِ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مِثْلُ هَذَا، وَحَلَقَ بِإِصْبَعِهِ وَبِالَّتِي تَلِيهَا، فَقَالَتْ زَيْنَبُ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنَّهُلِكَ وَفِينَا الصَّالِحُونَ؟ قَالَ: نَعَمْ إِذَا كَثُرَ الْحَبْثُ.

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Fitan*, *Bāb Ya`jūj wa Ma`jūj*, no. hadis 7135]

Maksudnya:

“Daripada Zaynab binti Jahsh, sesungguhnya Rasulullah SAW menemuinya dalam keadaan cemas seraya bersabda: “Tidak ada Tuhan yang berhak disembah dengan sebenarnya kecuali Allah SWT. Kebiasaan bagi bangsa Arab akibat daripada kejahatan yang hampir tiba. Hari ini telah dibuka tembok Yakjuj dan Makjuj seperti ini sambil baginda melengkungkan hujung jari telunjuk ke pangkal ibu jari [membentuk bulatan kecil].” Zaynab berkata: “Aku bertanya, wahai Rasulullah SAW adakah kami akan turut binasa sedangkan dalam kalangan kami terdapat orang-orang yang soleh.” Jawab Baginda SAW: “Ya, jika berleluasanya al-khabath”.”

### 5.1 Makna Istilah-Istilah Hadis (Mufradāt al-Ḥadīth)

Memahami kalimah-kalimah yang terkandung dalam matan hadis dengan baik dapat memberikan kefahaman hadis dengan tepat. Ini kerana tujuan memahami perkataan dan rangkai kata hadis dan menjelaskan lafaz yang ganjil (*gharīb al-hadith*) adalah untuk mendapatkan petunjuk syarak dan hukum hakam daripada hadis (al-Manās & Timezghine, 2013):

- i. *Wayl* (ويل) bererti azab dan kebinasaan (Manzūr, 1956). Ia juga membawa maksud kesedihan, kebinasaan, kesempitan akibat sesuatu azab. Setiap yang terjerumus dalam kebinasaan disebut dengan *wayl* (al-‘Aynī, 2001; Manzūr, 1956).
- ii. Kalimah ‘Arab (العرب) dalam hadis memberi maksud keseluruhan umat Islam. Walaupun dinyatakan bangsa Arab secara khusus ini tidak bermaksud ianya terhad kepada bangsa Arab sahaja kerana kebanyakan umat Islam adalah dari bangsa Arab dan mereka adalah bangsa yang paling ramai memeluk Islam pada ketika itu (al-‘Asqalānī, 2005; al-‘Aynī, 2001).
- iii. *Al-Sharr* (الشّر) iaitu kejahatan yang berlawanan dengan kebaikan. Termasuk dalam makna *al-Sharr* ialah kebinasaan dan permusuhan (Fāris, 1979).
- iv. *Radm* (الردم) iaitu tembok. Tembok yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah tembok Yakjuj dan Makjuj (al-‘Asqalānī, 2005).

- v. *Ya'jūj wa Ma'jūj* (يأجوج ومأجوج) adalah kata nama *a'jam* (kata nama yang bukan berasal dari kata nama Arab). Yakjuj dan Makjuj adalah manusia berketurunan Yāfith bin Nuḥ. Mereka merupakan dua bangsa besar yang ditemui pada zaman Dhū al-Qarnayn dan mereka bukanlah berbangsa Arab (al-Khālidī, 2002; al-Mubayyad, 2006).
- vi. *Hallaqa* (حلق) meletakkan jari telunjuk ke pangkal atau ruas tengah ibu jari membentuk lingkaran sehingga menampakkan hanya ruang kecil antara jari jemari tersebut (al-Athīr, 2001; al-'Aynī, 2001).
- vii. *Al-Khabath* (الخبث) bererti zina dan anak-anak zina, perkara-perkara fasiq dan dosa (al-Athīr, 2001; al-Qastallānī, 1996).

## 5.2 Huraian Hadis

Menurut al-'Asqalānī (2005) *al-Sharr* [kejahatan dan keburukan] dalam hadis bermaksud perkara-perkara yang terjadi kepada umat Islam selepas pembunuhan Saidina Uthman RA. Kemudian fitnah berterusan sehinggalah bangsa Arab dikerumuni oleh bangsa lain bagaikan orang-orang lapar mengerumuni hidangan mereka. Pengertian ini dijelaskan dalam satu hadis yang lain:

يُوشِكُ الْأُمَمُ أَنْ تَدَاعَى عَلَيْكُمْ كَمَا تَدَاعَى الْأَكَلَةُ إِلَى قَصْعَتِهَا

[Abū Dāwud, *Sunan Abū Dāwud, Kitāb al-Malāḥim, Bāb fī Tadā'ī al-Umam `alā al-Islām*, no. hadis 4297. Hadis ini sahih menurut al-Albānī]

Maksudnya:

“Hampir tiba suatu masa di mana bangsa-bangsa lain [kufur dan sesat] akan datang mengerumuni kamu (bangsa Arab) bagaikan orang-orang yang hendak makan mengerumuni talam hidangan mereka.”

Al-'Asqalānī (2005) juga menukilkan kalam al-Qurtubī kemungkinan maksud kejahatan itu ialah apa yang diisyaratkan oleh hadis Umm al-Salamah berkaitan fitnah dan khazanah (harta). Pembukaan empayar Rom dan Parsi menyebabkan umat Islam menjadi mewah sehingga hingga membawa kepada konflik perebutan harta. Selain itu terjadi perebutan takhta disebabkan pengingkarannya Saidina Uthman RA daripada sebahagian kaum kerabat Saidina Uthman RA dalam kalangan Bani Umayyah sehingga membawa kepada pembunuhan Saidina Uthman. Pembunuhan itu mengakibatkan perseteruan dan pertelingkahan yang terkenal dan berterusan sesama umat Islam (Perang *Ṣiffīn*). Maksud ini dipersetujui oleh al-Qastallānī (1996) di samping menyebutkan *al-sharr* itu juga mungkin membawa maksud serangan Tartar dan Monggol yang menyerang negara umat Islam sehingga berjaya menjatuhkan khilafah 'Abbasiyyah (al-'Asqalānī, 2005; al-Qastallānī, 1996).

Kejahatan dalam hadis ditujukan khusus kepada bangsa Arab kerana mereka bangsa terawal memeluk Islam dan sebagai peringatan tentang fitnah apabila berlaku maka kebinasaan akan segera menimpa mereka (al-'Asqalānī, 2005; al-Qastallānī, 1996). Walau bagaimanapun, al-'Aynī (2001) memaksudkan kejahatan secara lebih umum iaitu tidak terhad hanya kepada bangsa Arab sahaja bahkan ia turut menimpa umat Islam dari bangsa lain secara keseluruhan. Dinyatakan bangsa Arab secara khas kerana kebanyakan perkara yang tidak baik berlaku dalam kalangan bangsa Arab dan akibatnya akan kembali kepada mereka jua. Rasulullah SAW menyebut bangsa Arab secara khusus kerana baginda adalah keturunan Arab dan hidup bersama orang-orang Arab. Majoriti manusia yang telah memeluk Islam pada ketika itu adalah dalam kalangan bangsa Arab maka ucapan baginda adalah sesuai dengan situasi dan keadaan pada masa itu.

Berkaitan dengan tembok yang disebutkan dalam hadis ianya adalah tembok yang dibina oleh Dhū al-Qarnayn (al-'Asqalānī, 2005). Tembok penghalang ini dibina bagi mengelakkan kerosakan akibat perbuatan Yakjuj dan Makjuj terhadap penduduk yang berjiran dengan mereka. Rasulullah SAW mengisyratkannya terdapatnya lubang pada tembok tersebut dengan meletakkan hujung jari telunjuk ke pangkal ibu jari dan merapatkan kedua-dua jari [sehingga hanya menampakkan sedikit ruang antara celah jari jemari tersebut. Perbuatan nabi ini menunjukkan percubaan menembusi tembok bermula pada zaman baginda SAW dan ianya

telah tembus dengan ruang yang kecil. Walaupun hanyalah lubang yang kecil tetapi ianya merupakan petanda kejahatan sehinggalah apabila sampai waktu di akhir zaman tembok ini akan musnah (al-'Ulamā, 2019).

Perbincangan terakhir matan teks hadis menyentuh tentang *al-khabath* iaitu merujuk kepada perbuatan zina, lahirnya anak-anak zina, perkara-perkara fasiq serta segala bentuk dosa dan maksiat (al-Nawawī, 2000). Pertanyaan yang diajukan Zaynab tentang kebinasaan yang turut menimpa orang-orang yang salih diakui oleh Rasulullah SAW. Hal ini boleh berlaku apabila maksiat yang berleluasa tidak diingkari dan dicegah. Dengan maksud lain amar makruf nahi mungkar tidak ambil peduli dan membiarkan maksiat terus bermaharajalela akhirnya menyebabkan kebinasaan kepada umum (Qāsim, 1990; al-Sabt, 2006; al-Walīd, 2002). Berdasarkan perbincangan di atas, hadis Zaynab bint Jahsh memberikan beberapa petunjuk:

- i. Kebinasaan akibat fitnah akan lebih cepat menimpa bangsa Arab (al-Qaṣṭallānī, 1996).
- ii. Kebaikan akan musnah akibat kejahatan apabila ianya tidak dicegah. Kebinasaan akibat maksiat berleluasa yang dilakukan oleh orang-orang tertentu akibatnya akan turut menimpa masyarakat secara umum walaupun terdapat orang-orang yang salih (al-'Asqalānī, 2005; Naṣṣār, Arafāt, & al-Sakāfi, 2016; al-Sabt, 2006).
- iii. Hadis memberikan peringatan tentang hampirnya kiamat dan anjuran bergegas bertaubat sebelum munculnya alamat atau tanda-tanda kiamat yang besar antaranya keluarnya Yakjuj dan Makjuj (Naṣṣār, Arafāt, & al-Sakāfi, 2016).
- iv. Hadis membuktikan kewujudan makhluk Yakjuj dan Makjuj dan berlakunya kemusnahan tembok yang dibina oleh Dhū al-Qarnayn akan berlaku pada akhir zaman (Qāsim, 1990).
- v. Tembok Yakjuj dan Makjuj yang dibina oleh Dhū al-Qarnayn mempunyai rekahan atau lubang kecil pada padanya (al-Urmiyy, 2009).
- vi. Terbukanya tembok Yakjuj dan Makjuj adalah kiasan kepada munculnya tanda-tanda fitnah. Selain itu ia juga membawa maksud musibah yang menimpa bangsa Arab (al-Urmiyy, 2009).

## 6. Pandangan Ulama Tentang Kemunculan Yakjuj dan Makjuj

Berkaitan dengan kemunculan Yakjuj dan Makjuj, pengkaji mendapatkan beberapa pendapat para ulama bagi mendapatkan kepastian waktu keluarnya Yakjuj dan Makjuj. Analisis ini penting bagi mengukur sejauh mana kebenaran dakwaan Imran N. Hosein Yakjuj dan Makjuj telah keluar sejak 1400 tahun yang lalu.

Berdasarkan hadis Zaynab binti Jahsh, al-'Asqalānī (2005) menukilkan kalam Ibn Baṭṭāl yang berpendapat kemunculan Yakjuj dan Makjuj adalah ketika kiamat hampir berlaku. al-Qinnawjī (2000) menyebutkan hadis Zaynab menunjukkan tentang fitnah dan keluarnya Yakjuj dan Makjuj termasuk dalam rangkuman tanda-tanda kiamat yang berkaitan dengan Nabi Isa AS. Ini memberikan satu petunjuk Yakjuj dan Makjuj akan muncul melakukan kerosakan yang dahsyat pada akhir zaman setelah turunnya Nabi Isa AS dari langit. Walaupun terdapat ruang kecil pada tembok seperti yang dinyatakan dalam hadis, ini tidak bermaksud Yakjuj dan Makjuj telah pun menembusi tembok tersebut. Hakikatnya tembok masih berdiri kukuh dan Yakjuj dan Makjuj masih tidak dapat melepaskan diri dari sebaliknya walaupun usaha menembusi tembok dilakukan saban hari. Allah SWT menghalang mereka untuk keluar sehinggalah tiba waktu yang ditentukan iaitu selepas turunnya Nabi Isa AS (al-Shalabī, 1994). Hal ini dijelaskan dalam sebuah hadis lain riwayat Abū Hurairah tentang penggalan yang dilakukan oleh Yakjuj dan Makjuj dalam percubaan untuk menerobos keluar tembok.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي السِّدِّ ، قَالَ : " يَحْفَرُونَهُ كُلُّ يَوْمٍ حَتَّى إِذَا كَادُوا يَخْرِقُونَهُ ، قَالَ الَّذِي عَلَيْهِمْ : ارْجِعُوا فَسَتَخْرِقُونَهُ غَدًا ، فَيُعِيدُهُ اللَّهُ كَأَمْتَلٍ مَا كَانَ حَتَّى إِذَا بَلَغَ مَدَّتْهُمْ ، وَأَرَادَ اللَّهُ أَنْ يَيْعَتَهُمْ عَلَى النَّاسِ ، قَالَ الَّذِي عَلَيْهِمْ : ارْجِعُوا فَسَتَخْرِقُونَهُ غَدًا إِنْ شَاءَ اللَّهُ وَأَسْتَنْتِي ، قَالَ : فَيَرْجِعُونَ فَيَجِدُونَهُ كَهَيْئَتِهِ حِينَ تَرَكَوهُ فَيَخْرِقُونَهُ فَيَخْرِجُونَ عَلَى النَّاسِ ... "

[Ibnu Mājah, *Sunan Ibnu Mājah, Kitāb al-Fitan Bāb Fitnah al-Dajjāl wa Khurūj `Isā ibn Maryam wa Khurūj Ya`jūj wa Ma`jūj*, no. hadis 3314. Hadis ini sahih menurut al-Albānī]

Maksudnya:

*Daripada Abū Hurairah RA katanya: “Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya Yakjuj dan Makjuj mengorek lubang [di tembok] pada setiap hari, sehinggalah apabila mereka hampir melubangnya maka ketua mereka berkata: “Pulanglah kita akan menggali semula pada hari esok.” Kemudian Allah SWT mengembalikan tembok seperti mana asal [dan memperkukuhkannya berbanding sebelum ini], sehinggalah apabila telah sampai suatu masa untuk mereka, dan Allah SWT menghendaki untuk mereka keluar kepada manusia. Ketua mereka berkata: “Pulanglah, kita akan menggali lagi pada hari esok dan dia mengucapkan Inshā Allāh. Apabila mereka kembali semula keesokannya untuk menggali, mereka dapati lubang itu kekal seperti yang mereka tinggalkan, maka mereka menggali sehinggalah mereka keluar kepada manusia...”*

Hadis di atas menjelaskan tentang percubaan untuk keluar dengan cara menebuk tembok. Usaha penggalian dilakukan setiap hari secara konsisten siang dan malam atau penggalian dilakukan ketika hampir kiamat sehinggalah tiba masa yang diizinkan oleh Allah SWT untuk mereka keluar. Walaubagaimanapun usaha mereka ternyata tidak membuahkan hasil kerana lubang yang digali terkutup kembali seperti sedia kala keesokan harinya (al-Kankhūhī, 2017; al-Safārīnī, 1982; al-Urmiyy, 2009). Antara faktor kegagalan menembusi tembok ialah mereka masih lagi belum dapat menyebut perkataan *Inshā Allāh*. Apabila tiba waktunya, mereka diilhamkan oleh Allah SWT untuk melafazkan kalimah *Inshā Allāh*. Oleh itu dengan keberkatan ucapan ini menyebabkan tercapai hasrat mereka untuk keluar tercapai (al-‘Asqalānī, 2005; al-Mubārakfūrī, t.th.).

Pengamatan terhadap hadis-hadis mengenai kronologi tanda-tanda besar kiamat turut mengesahkan Yakjuj dan Makjuj hanya akan keluar setelah turunnya Nabi Isa AS dan setelah pembunuhan Dajal. Sungguhpun terhadap perselisihan dalam kalangan ulama berkaitan susunan tanda-tanda yang sepuluh (tanda besar kiamat), namun majoriti ulama meletakkan turutan keluarnya Yakjuj dan Makjuj adalah setelah berlakunya dua alamat besar iaitu turunnya Nabi Isa AS dan setelah terbunuhnya Dajal di tangan Nabi Isa AS sendiri. al-‘Asqalānī (2005) memetik kata-kata al-Ṭayyibī:

*“al-Āyāt iaitu alamat-alamat kiamat terbahagi kepada dua bahagian iaitu yang hampir berlaku dan yang akan berlaku kemudiannya. Untuk bahagian pertama tanda-tanda terawal ialah Dajal, turunnya Nabi Isa AS dan Yakjuj dan Makjuj. Manakala bahagian yang kedua ialah asap (al-Dukhān), terbit matahari dari sebelah barat, keluarnya sejenis binatang (al-Dābbah) dan api yang menghalau manusia ke tempat perhimpunan.”*

Syeikh al-Mubārakfūrī (t.th.) juga menyenaraikan turutan keluarnya Yakjuj dan Makjuj setelah turunnya Nabi Isa AS dari langit:

*“Ketahuilah bahawa terdapat perbezaan riwayat-riwayat tentang susunan tanda-tanda besar Kiamat. Oleh kerana itu para ulama berselisih pendapat dalam menentukan susunannya. Dikatakan bahawasanya tanda besar kiamat yang pertama adalah Dukhān (asap) kemudian keluarnya Dajal. Setelah itu turunnya Nabi Isa AS seterusnya keluarnya Yakjuj dan Makjuj. Diikuti keluarnya al-Dābbah kemudian terbit matahari dari Barat. Orang-orang kafir akan memeluk Islam pada zaman Nabi Isa AS sehingga seruan agama menjadi satu.”*

al-Qurṭubī (2004) dalam komentar beliau berkaitan susunan tanda-tanda kiamat menyatakan tanda-tanda awal ialah munculnya Dajal kemudian turunnya Nabi Isa AS. Seterusnya keluar Yakjuj dan Makjuj lalu Allah SWT membinasakan mereka dengan ulat-ulat yang menyerang batang leher mereka. Setelah itu Allah SWT mencabut nyawa Nabi Isa AS.

Lanjutan dari perbahasan di atas, penulis mengemukakan lagi beberapa pandangan ulama yang menyentuh tentang keluarnya Yakjuj dan Makjuj adalah setelah turunnya Nabi Isa AS. al-Qārī (2001) dan al-Sindī (2010) menyebutkan kiamat akan dimulai dengan terbenamnya bumi di tiga tempat, diikuti dengan keluarnya Dajal kemudiannya turunnya Nabi Isa AS, keluar Yakjuj dan Makjuj. Selepas itu datangnya hembusan angin yang mencabut nyawa orang beriman, matahari terbit dari sebelah barat selanjutnya keluarnya *Dābbah* dan asap (*al-Dukhān*). al-Munāwī (1972) pula memetik kata-kata Ibn al-‘Arabī tentang kemunculan Yakjuj dan Makjuj: “.. dan mereka adalah dua umat kafir yang mendatangkan mudarat dan kerosakan daripada keturunan Yāfith bin Nūh dan kedua-duanya akan keluar selepas turunnya Isa AS.”

Berdasarkan pandangan ulama muftabar yang telah dikemukakan di atas, pengkaji lebih cenderung kepada pendapat Yakjuj dan Makjuj akan muncul setelah turunnya Nabi Isa AS di akhir zaman. Tambahan pula

terdapat bukti jelas Yakjuj dan Makjuj akan keluar setelah turunnya Nabi Isa AS dan setelah terbunuhnya Dajal dalam hadis riwayat al-Nawwās ibn Sam‘ān:

...فَيَطْلُبُهُ حَتَّى يُدْرِكَهُ بِيَابِ لُدٍّ، فَيَقْتُلُهُ، ثُمَّ يَأْتِي عَيْسَى ابْنَ مَرْيَمَ قَوْمٌ قَدْ عَصَمَهُمُ اللَّهُ مِنْهُ، فَيَمْسَحُ عَنْ وُجُوهِهِمْ وَيُحَدِّثُهُمْ بِدَرَجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّةِ، فَيَبْتِمَا هُوَ كَذَلِكَ إِذْ أَوْحَى اللَّهُ إِلَى عَيْسَى: إِنِّي قَدْ أَخْرَجْتُ عِبَادًا لِي، لَا يَدَانِ لِأَحَدٍ يَبْتَالِيهِمْ، فَحَرَزَ عِبَادِي إِلَى الطُّورِ وَيَبْعَثُ اللَّهُ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ، وَهُمْ مِنْ كُلِّ حَدَبٍ يَنْسِلُونَ، فَيَمُرُّ أَوَائِلُهُمْ عَلَى بُحَيْرَةِ طَبْرِيَّةَ فَيَشْرَبُونَ مَا فِيهَا، وَيَمُرُّ آخِرُهُمْ فَيَقُولُونَ: لَقَدْ كَانَ بِهِذِهِ مَرَّةً مَاءٌ...  
 ...فَيَطْلُبُهُ حَتَّى يُدْرِكَهُ بِيَابِ لُدٍّ، فَيَقْتُلُهُ، ثُمَّ يَأْتِي عَيْسَى ابْنَ مَرْيَمَ قَوْمٌ قَدْ عَصَمَهُمُ اللَّهُ مِنْهُ، فَيَمْسَحُ عَنْ وُجُوهِهِمْ وَيُحَدِّثُهُمْ بِدَرَجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّةِ، فَيَبْتِمَا هُوَ كَذَلِكَ إِذْ أَوْحَى اللَّهُ إِلَى عَيْسَى: إِنِّي قَدْ أَخْرَجْتُ عِبَادًا لِي، لَا يَدَانِ لِأَحَدٍ يَبْتَالِيهِمْ، فَحَرَزَ عِبَادِي إِلَى الطُّورِ وَيَبْعَثُ اللَّهُ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ، وَهُمْ مِنْ كُلِّ حَدَبٍ يَنْسِلُونَ، فَيَمُرُّ أَوَائِلُهُمْ عَلَى بُحَيْرَةِ طَبْرِيَّةَ فَيَشْرَبُونَ مَا فِيهَا، وَيَمُرُّ آخِرُهُمْ فَيَقُولُونَ: لَقَدْ كَانَ بِهِذِهِ مَرَّةً مَاءٌ...

[Muslim, *Sahīh Muslim, Kitāb al-Fitan wa Ashrāt al-Sā‘ah, Bāb Dhikr al-Dajjāl*, no. hadis 2937]

Maksudnya:

... Maka Isa AS memburu Dajal sehingga sampai ke Bāb Ludd lalu membunuhnya. Kemudian Isa AS datang kepada orang-orang yang terpelihara dari fitnah Dajal lalu Isa AS menyapu wajah mereka [bagi menghilangkan kesan-kesan debu peperangan sebagai satu simbolik bagi memuliakan mereka] dan memberitahu kedudukan mereka di syurga. Dalam keadaan sedemikian tiba-tiba Allah SWT mewahyukan kepada Isa AS: “Sesungguhnya aku telah mengeluarkan hambaKu, tidak ada seorang pun yang mampu memerangi mereka, maka bawalah hamba-hambaku berlindung ke bukit.” Lalu Allah SWT mengeluarkan Yakjuj dan Makjuj mereka turun dari setiap tempat tinggi dengan. Gerombolan paling hadapan melewati tasik Ṭabariyyah lalu meminum airnya. Gerombolan yang terakhir melalui tasik Ṭabariyyah lalu berkata: “Sebelum ini terdapat air di sini...”

al-Ashqār (1991) menyebutkan hadis Nawwās bin Sam‘ān ini menjelaskan peristiwa keluarnya Yakjuj dan Makjuj berlaku setelah Nabi Isa AS turun ke bumi dan selepas berlakunya pembunuhan Dajal. Nabi Isa AS terkepung di atas bukit lalu berdoa agar Yakjuj dan Makjuj dimusnahkan lalu mereka kesemuanya mati serentak dibinasakan oleh Allah SWT (al-Ashqār, 1991; al-Tuwaijirī, 1994). Berkenaan dengan hadis di atas juga al-Rājilī (2018) menyatakan tiga tanda kiamat yang berturutan ialah Dajal, turunnya Nabi Isa AS dan Yakjuj dan Makjuj. Dengan ini memberikan satu kesimpulan bahawa kedatangan Yakjuj dan Makjuj adalah dalam rangkuman dua peristiwa besar berkaitan tanda-tanda kiamat yang lain iaitu kedatangan Dajal dan turunnya Nabi Isa AS dari langit. Keadaan Tasik Ṭabariyyah atau *Lake Kinneret* yang dinyatakan dalam hadis di atas hakikatnya menawarkan bukti sokongan tentang Yakjuj dan Makjuj akan keluar di akhir zaman. Buat masa sekarang, Tasik Ṭabariyyah masih mempunyai air dan dapat menampung keperluan penduduk sekitarnya. Bahkan laporan terkini menunjukkan paras air Tasik Ṭabariyyah berada pada tahap hampir maksimum (Water level of the Lake Kinneret, 2020). Tasik ini akan kehabisan airnya apabila Yakjuj dan Makjuj singgah untuk minum bagi melepaskan dahaga dalam perjalanan mereka menuju ke Sham (al-‘Adawī, t.th.; al-‘Uthmāni, 2006).

Istinbat daripada hadis-hadis berkaitan kronologi kiamat juga membuktikan keluarnya Yakjuj dan Makjuj adalah pada zaman Nabi Isa AS. Tertib sebahagian tanda-tanda kiamat dapat diketahui melalui terjadinya sesuatu alamat kemudiannya diikuti dengan alamat-alamat yang lain. Sebagai contoh hadis riwayat al-Nawwās bin Sam‘ān yang telah dinyatakan di atas dan riwayat-riwayat lain seumpama dengannya menyebutkan susunan tanda-tanda kiamat seperti keluarnya Dajal, turunnya nabi Isa AS, keluarnya Yakjuj dan Makjuj serta kemusnahan mereka adalah pada zaman nabi Isa AS (al-Wābil, 1995). Tinjauan kepada beberapa karangan ulama berkaitan tanda-tanda besar kiamat menunjukkan tertib keluarnya Yakjuj dan Makjuj adalah setelah turunnya Nabi Isa AS dan setelah pembunuhan Dajal (Kathīr, t.th.; Al-Mash‘alī, 1990; al-Qudāh, 2016; al-Tuwaijirī, 1994; al-Wābil, 1995)

## 7. Faktor Salah Faham Hadis

Berdasarkan perbincangan di atas, idea dan pemikiran Imran N. Hosein tentang Yakjuj dan Makjuj adalah disebabkan daripada pemahaman yang kurang tepat tentang hadis Zaynab binti Jahsh. Kegagalan memahami hadis dengan betul berpunca daripada pengabaian kaedah memahami hadis yang telah digariskan oleh ulama. Penulis mengenal pasti timbulnya kekeliruan dan berlakunya kesilapan dalam memahami isu ini apabila beliau hanya berpada dengan hadis riwayat Zaynab binti Jahsh dan hadis-hadis yang semakna dengannya sahaja.

Beliau tidak mengumpulkan pelbagai riwayat lain berkaitan Yakjuj dan Makjuj secara khusus dan tanda-tanda kiamat secara umumnya. Sedangkan pengumpulan riwayat-riwayat perlu dilakukan kerana sebaik-baik cara untuk memahami hadis dengan tepat ialah menghuraikan hadis dengan hadis (al-Qaradawī, 1993; Shah, 2017). Justeru, antara faktor berlakunya salah faham dalam memahami hadis *fitan* hatta dalam kalangan para ulama adalah disebabkan tidak mengumpulkan riwayat-riwayat hadis (Sharmān & Bawā'inah, 2016; Bazmūl, 2020). Pemahaman hadis secara terpisah-pisah dan pengabaian hadis-hadis lain dalam tema yang sama menyebabkan kefahaman dalam isu ini tidak diperolehi dengan sebaiknya. Metode yang dipraktikkan oleh Imran N. Hosein dalam memahami hadis dikenali sebagai *manhaj al-tajzi wa al-ta'diyah*. Iaitu satu kaedah memahami hadis dengan mengabaikan hadis-hadis yang lain, atau berpegang dengan sebahagian hadis dalam masa yang sama meninggalkan sebahagian yang lain (al-Ghalbazūri, 2009).

Metode yang diaplikasi Imran N. Hosein ini bercanggah dengan kaedah pemahaman hadis menurut ulama yang berlanjutan kepada timbulnya kekeliruan dan salah faham, akhirnya berpanjangan kepada inferens makna-makna yang tidak dikehendaki oleh Rasulullah SAW (al-Ghalbazūri, 2009). Bagi mendapatkan penjelasan atau hukum mengenai sesuatu isu tidak memadai dengan hanya bergantung kepada satu atau sebahagian hadis. Bahkan menjadi keperluan mengumpulkan sebahagian besar hadis yang warid berkaitan isu tersebut. Menjadi satu kesalahan apabila memadai dengan hanya berpandukan matan hadis tertentu tanpa mengumpulkan riwayat-riwayat lain (Donmaz, 2019; al-Qaradawī, 1993; Shah, 2017). Ini kerana hadis mempunyai pelbagai jalan periwayatan dan ikhtilaf pada sudut riwayat-riwayat. Kadang-kadang hadis itu umum tetapi dikhususkan dalam hadis yang lain. al-Baghdādi (1996) menukilkan kata-kata Imam Aḥmad: "*Hadis apabila kamu tidak kumpulkan jalan-jalan periwayatannya maka kamu tidak dapat memahaminya, hadis menafsirkan antara satu sama lain.*"

Pemahaman Imran N. Hosein tentang kemunculan Yakjuj dan Makjuj dengan hanya berpandukan hadis Zaynab binti Jaḥsh dan hadis-hadis seumpama dengannya menunjukkan beliau tidak mendalami *'ulum al-hadīth*. Beliau tidak berjaya memahami metode yang diaplikasikan oleh para ulama hadis dan kelihatan mendahulukan pandangan logik akal dalam persoalan ini berbanding dalil-dalil hadis yang sahih. Selain itu beliau mentafsir teks hadis mengikut rasional akal tanpa berpandukan pada mana-mana tafsiran ulama. Dalam konteks yang lebih luas pandangan seperti ini turut dikongsi bersama dengan aliran liberalisme (Mohd Norzi Nasir, 2016) yang percaya bahaya pentafsiran agama bukan milik kumpulan tertentu seperti ulama bahkan sesiapa sahaja bebas menafsirkan agama tanpa mengira latar belakang ilmu dan pendidikan (Norsaleha Mohd. Salleh, 2019). Oleh kerana itu, masyarakat Islam perlu diperingatkan agar berhati-hati dengan pandangan yang tidak selari dan bercanggah dengan al-Quran dan hadis bagi mengelakkan timbulnya kekeliruan dan fitnah dalam kalangan masyarakat.

## 8. Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemikiran dan pandangan Imran N. Hosein tentang keluarnya Yakjuj dan Makjuj sejak zaman Rasulullah SAW berdasarkan hadis riwayat Zaynab binti Jaḥsh adalah tidak selari dengan pandangan majoriti ulama. Hadis tersebut tidak menunjukkan Yakjuj dan Makjuj telah pun keluar dari sebalik tembok pada hari Rasulullah SAW mendapat perkhabaran tentang kewujudan lubang kecil pada tembok Yakjuj dan Makjuj menerusi mimpi baginda SAW. Berdasarkan hadis-hadis tentang Yakjuj dan Makjuj serta hadis-hadis berkaitan kronologi kiamat menunjukkan Yakjuj dan Makjuj akan muncul di akhir zaman setelah turunnya Nabi Isa AS dari langit dan selepas terbunuhnya Dajal. Walaupun terdapat lubang pada tembok Yakjuj dan Makjuj sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis, ianya tidak bermaksud Yakjuj dan Makjuj dapat meloloskan diri melalui ruang terbuka itu. Ini memberikan satu lagi kesimpulan tembok Yakjuj dan Makjuj masih kukuh dan Yakjuj dan Makjuj hanya akan dapat melepaskan diri di akhir zaman apabila hampir berlakunya kiamat. Timbulnya salah faham dan kekeliruan dalam isu ini berpunca daripada pengabaian kaedah memahami hadis serta mendahulukan pandangan logik akal berbanding dalil-dalil *naqliyyah* yang telah jelas kesahihannya selain mengetepikan pandangan para ulama. Oleh kerana itu, bagi mengelakkan salah faham dan kekeliruan berkaitan hadis-hadis terutamanya hadis *fitan* umat Islam perlulah mengikuti kaedah dan prinsip untuk memahami hadis yang telah digariskan oleh ulama. Masyarakat muslim perlu diperingatkan agar tidak mengikuti pandangan yang bercanggah dan tidak secekok dengan al-Quran dan hadis. Terutama dalam membicarakan tentang hadis-hadis akhir zaman yang sememangnya mudah terdedah kepada penyelewengan terutamanya mereka yang tidak mempunyai asas dalam pengajian Islam umumnya dan pengajian hadis secara khusus.

## Rujukan

‘Abd al-Malik, A.K. (t.th.). *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāri li Ibn al-Baṭṭāl*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.



- ‘Abd al-Manās, S., & D. Timezghine, M. (2013). *Ḍawābiṭ al-Ta‘āmul ma‘a Gharīb al-Ḥadīth al-Nabawiyy. Al-Tajdīd*, 17(34), 144–145. <https://journals.iium.edu.my/at-tajdid/index.php/tajdid/article/view/90>.
- al-‘Adawiyy, S. D. (t.th.). *Ihdā’ al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibnu Mājah*. Kaherah: Maktabah Dār al-Yaqīn.
- al-‘Aynī, B. (2001). *‘Umdah al-Qāri Sharḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-‘Azīz, M. A. (1988). *al-Nihāyah Fitan wa Aḥwāl Ākhir al-Zamān Mukhtaṣar Nihāyah al-Bidāyah*. Kaherah: Maktabah al-Turāth al-Islāmī.
- al-‘Uthmānī, M. T. (2006) (2006). *Takmilah Faṭḥ al-Mulhim bi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy.
- al-Albānī, M. N. (1997). *Ṣaḥīḥ Sunan Ibnu Mājah*. Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- al-Albānī, M. N. (1998). *Ṣaḥīḥ Sunan Abī Dawūd*. Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- al-Ansari, M. F. (2008). *The Quranic foundations and structure of Muslim society*. Karachi, Pakistan: Elite Publishers Ltd.
- al-Ashqar, U. S. (1991). *al-Qiyāmah al-Ṣughrā*. Amman, Jordan: Dār al-Nafāis.
- al-Baghdādī, A. A. (1996). *Al-Jāmi‘ li Akhlāq al-Rāwī wa Ādāb al-Sāmi‘*. Beirut: Mu‘assasah al-Risālāh.
- al-Fawzān, Ṣ. (2019, September 2). *Sharḥ Ḥadīth Wayl li al-‘Arab min Sharr qad Iqṭarab*. [Video]. Didapatkan dari <https://www.youtube.com/watch?v=E8pNA36RzTE>.
- al-Ghalbazūrī, T. (2009, April). *Asbāb al-Inḥirāf al-Mu‘āṣir fī Fahm al-Sunnah wa Mazāhirih. Nadwah al-Sunnah al-Nabawiyyah bayna Ḍawābiṭ al-Fahm al-Sadīd wa Muḥāṭallibāt al-Tajdīd*, Dubai.
- Ali, A. (2014, December 13). *Should I listen to Sheikh Imran Hosein?* Didapatkan dari <http://fatwa-tt.com/?s=Imran+N.+Hosein>
- al-Kankhūhī, R. A. (2017). *Al-Kawkab al-Durrī ‘Alā Jāmi‘ al-Tirmidhī*. Amman, Jordan: Arwiqah li Al-Dirāsāt wa al-Nashr.
- al-Khālīdī, Ṣ. A. (2002). *al-A‘lām al-A‘jamiyyah fī al-Qur‘ān*. Damsyik: Dār al-Qalām.
- Alleyne, G. (2009, April 8). *QRC celebrates 150 years. Newsday*. Didapatkan dari <https://archives.newsday.co.tt/2009/04/08/qrc-celebrates-150-years/>
- al-Mubārakfurī, M. A. (t.th.). *Tuḥfah al-Ahwadhī bi Sharḥ Jāmi‘ al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Mubayyad, M. A. (2006). *al-Mausū‘ah fī al-Fitan wa al-Malāḥim wa Ashrāṭ al-Sā‘ah*. Kaherah: Mu‘assasah al-Mukhtār.
- al-Munāwī, M. A. (1972). *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr*. Beirut: Dār al-Ma‘ārifah.
- al-Nawawī, M. Z. (2000). *al-Minhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*. Amman, Jordan: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah.
- al-Qaraḍawī, Y. (1993). *Bagaimana memahami hadis Nabi SAW*. M. al-Baqir (Terj.). Bandung: Penerbit Karisma.
- al-Qāri, M. S. (2001). *Mirqāt al-Mafāṭīḥ Sharḥ Mishkāṭ al-Maṣābīḥ*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Qaṣṭallānī, A. M. (1996). *Irsyād al-Sāri li Sharḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Qinnawjī, M. Ṣ. (2000). *al-Idhā‘ah li mā kāna wa mā Yakūn bayna Yadayy al-Sā‘ah*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- al-Quḍāh, S. M. (2016). *Kronologi kiamat*. M. Y. Ismail, & A. Mohd Rapingi (Terj.). Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- al-Qurṭubī, M. A. (2004). *Al-Tadhkirah bi Aḥwāl al-Mawtā wa Umūr al-Ākhirah*. Riyadh: Maktabah Dār al-Minhāj.
- al-Qurṭubī, M. A. (2006). *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur‘ān*. Beirut: Mu‘assasah al-Risālāh.
- al-Rājīhī, ‘A. (2018). *Tawfiq al-Rabb al-Mun‘im bi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyadh: Markaz ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh al-Rājīhī.
- al-Sabt, K.U. (2006, March 30). *Ḥadīth Wayl li al-‘Arab min Sharr qad Iqṭarab*. Didapatkan dari <https://khaledalsabt.com/explanations/1372/%D8%AD%D8%AF%D9%8A%D8%AB-%D9%88%D9%8A%D9%84-%D9%84%D9%84%D8%B9%D8%B1%D8%A8-%D9%85%D9%86-%D8%B4%D8%B1-%D9%82%D8%AF-%D8%A7%D9%82%D8%AA%D8%B1%D8%A8>
- al-Safārīnī, M. A. (1982). *Lawāmi‘ al-Anwār al-Bahiyyah fī Sawāṭi‘ al-Asrār al-Athariyyah*. Damsyik: Mu‘assasah al-Khāfiqīn.
- al-Sajistānī, S. A. (2009). *Sunan Abī Dawūd*. Damsyik: al-Risālāh al-‘Ālamiyyah.
- al-Shalabī, M. A. (1994). *Ṣaḥīḥ Ashrāṭ al-Sā‘ah*. Jeddah, Arab Saudi: Maktabah al-Sawādī.
- Āl-Shaykh, Ṣ. A. (Ed.) (2000). *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*. Riyadh: Dār al-Salām.
- al-Sindī, A. Ḥ. (2010). *Faṭḥ al-Wadūd fī Sharḥ Sunan Abī Dawūd*. Mesir: Maktabah Līnah.
- al-Sindī, A. Ḥ. (t.th.). *Sunan Ibn Mājah bi Sharḥ al-Sindī*. Beirut: Dār al-Ma‘ārifah.
- al-Tuwaijirī, H. A. (1994). *Iṭḥāf al-Jamā‘ah*. Riyadh: Dār al-Ṣamī‘ī.
- al-Uramiyy, M. A. (2009). *Al-Kawkab al-Wahhāj wa al-Rawḍ al-Wahhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*. Jeddah, Arab Saudi: Dār al-Minhāj.



- al-Wābil, Y. (1995). *Ashrāt al-Sā'ah*. Riyadh: Dār Ibn al-Jawzī.
- al-Walīd, M. R. (2002). *Kashf al-Minan fī 'Alāmāt al-Sā'ah wa al-Malāhīm wa al-Fitan*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Bariqi, S. (2019). Lepasnya Ya'juj dan Ma'juj dan rusaknya tatanan dunia modern (Bagian 3). *Artikula.Id*. Didapatkan dari <https://artikula.id/sirajuddin/lepasnya-yajuj-dan-majuj-dan-rusaknya-tatanan-dunia-modern-bagian-3/>.
- Bāzmūl, M. U. (t.th.). *'Ilm Sharḥ al-Ḥadīth wa Rawāfīd al-Baḥth fih*. Markaz Al-Sunnah Wa al-Turāth al-Nabawiyy. Didapatkan dari <http://www.alsunan.com/researches/%D8%B9%D9%84%D9%85-%D8%B4%D8%B1%D8%AD-%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%AF%D9%8A%D8%AB-%D9%88%D8%B1%D9%88%D8%A7%D9%81%D8%AF-%D8%A7%D9%84%D8%A8%D8%AD%D8%AB-%D9%81%D9%8A%D9%87/>
- Desai, E. (2013, November 28). Is the claim correct that Yajuj and Majuj are amongst us today? *ASK IMAM*. Didapatkan dari [http://askimam.org/public/question\\_detail/27634](http://askimam.org/public/question_detail/27634).
- Hosein, I. N. (1997). *The prohibition of riba in the Qur'an and Sunnah*. New York, NY: Masjid Darul Qur'an.
- Hosein, I. N. (1999). *Islam And Buddhism in the modern world*. Singapura: The Muslim Converts Association.
- Hosein, I. N. (2001). *The strategic significance of the fast of Ramadan & Isra' and Mi'raj*. New York, NY: Masjid Dar al-Qur'an.
- Hosein, I. N. (2012). *An Islamic View Of Gog And Magog in the modern world*. Trinidad And Tobago: Masjid Jāmi' ah.
- Hosein, I. N. (2019). *Dajjal, the Qur'an and Awwal al-Zamaan*. Kanada: Iron Heart Publishing.
- Hudijono, A. (2019, September 1). Yakjuk dan Makjuk sudah di sekitar kita. *Beritalima*. Didapatkan dari <https://beritalima.com/yakjuk-dan-makjuk-sudah-di-sekitar-kita-ke-3/>.
- Ibn Fāris, A. (1979). *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Ḥajar. A. A. H. (2005). *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyadh: Dār Ṭaybah.
- Ibn Kathīr, I. U. (t.th.). *al-Nihāyah fī al-Fitan wa al-Malāhīm*. Kaherah: al-Maktab al-Thaqāfī.
- Ibn Manzūr, M.M. (1956). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār al-Šādīr.
- Ibnu al-Athīr, M. M. (2001). *al-Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Āthār*. Arab Saudi: Dār Ibn al-Jawzī.
- Ibnu Fāris, A. (1979). *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibnu Shukrimun, A. (2020, Mei 16). Al-Kahfi: Imuniti fitnah Dajal akhir zaman (56). *Harakahdaily*. Didapatkan dari <https://harakahdaily.net/index.php/2020/05/16/al-kahfi-imuniti-fitnah-dajal-akhir-zaman-56>.
- Imran N. Hosein. (2020, September 13). Dalam *Wikipedia*. Didapatkan November 3, 2020, Dari [https://en.wikipedia.org/wiki/Imran\\_N.\\_Hosein](https://en.wikipedia.org/wiki/Imran_N._Hosein).
- Jam'ūn, A., & 'Ayfah, Ā. (2019). *Ya'jūj wa Ma'jūj bayna al-Yahūdīyyah wa al-Islām*. [Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan]. Universiti Akli Mouhand Oulhadj-Bouira, Algeria.
- Khiḍr, D. (2014). Fahm al-Ḥadīth al-Sharīf fī Ḍaw' al-Qur'ān wa al-Sunnah al-Thābitah. *Al-Majallah al-Jazā'irīyyah Li al-Makhtūṭāt*, 10(11), 194–218. <https://www.asjp.cerist.dz/en/article/30894>.
- Mohd Norzi Nasir, R. W. (2016). Metode Kassim Ahmad dalam kajian hadis: satu penilaian dalam timbangan metode ilmiah ulama hadis. *HADIS*, 11, 68.
- Naṣṣār, R. M., 'Arafāt, M. J., & Al-Sakāfī, H. A. (2016). Ḥadīth Ya'jūj wa Ma'jūj`min riwāyah ṣahābiyyah Zaynab bint Jaḥsh. *Majallah al-Hijāz al-'Ālamīyyah al-Muḥkamah li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*, 41(14), 41.
- Norsaleha Mohd. Salleh, et al. (2019). Penyalahgunaan living hadis dalam kalangan kelompok liberal: satu sorotan literatur secara sistematik. *HADIS*, 9(17), 71.
- Qāsim, Ḥ. M. (1990). *Manār al-Qāri Sharḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Damsyik: Maktabah Dār al-Bayān.
- Schleifer, A. (2018). *The Muslim 500: The worlds 500 most influential Muslims 2019*. Amman, Jordan: The Royal Islamic Strategic Studies Centre.
- Shah, F. A. (2017). *Kaedah tepat memahami hadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sharmān, K. M., & Bawā'inah, S. M. (2016). Āḥādīth al-fitan mafhūmuhā wa al-taṣnīf fihā wa qīmatihā al-'ilmiyyah wa qawā'id fahmihā. *Majallah al-Urduniyyah fī al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*, 4, 133.
- Sheikh Imran N. Hosein. (2009, June 28). *Official Sheikh Imran N Hosein [Video]*. Didapatkan dari <https://www.youtube.com/channel/UC-0tjhOYNITmYenKykN1d5A/>.
- Water Authority. (2004). *Water level of the Lake Kinneret*. Didapatkan dari <https://forecast.israelinfo.co.il/kineret>.